

26/10/1997

Masa sukar perlu banyak bersabar

A Nazri Abdullah

MENGHADAPI masa sukar bukan saja satu cabaran, tetapi dugaan getir yang memerlukan kesabaran yang tinggi. Masa senang manusia banyak ketawa dan mudah memaafkan kesilapan yang kecil. Tetapi pada ketika sukar, manusia mudah hilang kesabaran dan cepat marah walaupun kesilapannya cuma kecil. Tindakan Penerbangan Malaysia (MAS) menyaman malu sebanyak RM80 juta ke atas Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir bolehlah disifatkan sebagai tindakan orang yang hilang kesabaran ketika menghadapi masa sukar. Kadir Sheikh Fadzir mungkin mempunyai bukti tertentu yang menyebabkan beliau hilang sabar lantas melontar teguran terbuka walaupun jawatan beliau tidak kena mengena dengan MAS. Sementara MAS pula yang menghadapi pelbagai tekanan ekoran kemelut ekonomi sekarang, juga hilang sabar lantas tanpa berfikir panjang terus mengemukakan saman.

Setahun lalu akhbar ini pernah menyiarkan laporan khas berkenaan MAS selepas menerima pelbagai rungutan daripada segenap lapisan pengguna yang kurang puas hati dengan mutu perkhidmatannya. Pengguna Malaysia semakin hari semakin cerewet kerana mereka boleh membandingkan perkhidmatan MAS dengan syarikat penerbangan lain. Pegawai tinggi MAS termasuk Pengerusi Eksekutifnya Tan Sri Tajudin Ramli mungkin sukar membuat perbandingan kerana mereka jarang menggunakan syarikat penerbangan lain. Bagaimanapun, laporan khas Berita Harian itu dipandang serong dan dilempar pelbagai tuduhan sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masuk campur.

Beberapa bulan lalu apabila sebuah firma sekuriti tempatan mengeluarkan analisis yang tidak menggembirakan MAS, sekuriti berkenaan dituduh cuba menekan harga MAS di pasaran saham sedangkan analisis yang dikeluarkan berdasarkan data dan perangkaan semasa MAS yang sah. Analisis yang dikeluarkan oleh mana-mana firma sekuriti dibuat berdasarkan kajian yang mendalam kerana sebarang analisis yang tidak tepat boleh menjejaskan imej dan kewibawaan firma itu sendiri.

Kini sekali lagi Perdana Menteri terpaksa masuk campur meminta MAS menarik balik samannya ke atas Kadir. Selain daripada itu MAS juga akan menarik balik surat kepada Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang dihantar selepas pekerja MAS berhimpun secara aman membantah kenyataan Dr Ling terhadap MAS. Perhimpunan itu sendiri menimbulkan tanda tanya sama ada ia benar-benar inisiatif bekerja MAS atau atas arahan daripada pihak atasan MAS. Ramai yang percaya perhimpunan itu diatur oleh pihak atasan MAS.

Keadaan sukar masa kini bukan saja dihadapi MAS, tetapi syarikat-syarikat lain juga sedang merasai kepedihannya. Lebih banyak pinjaman dolar Amerika maka semakin peritlah tekanan yang dihadapinya. Bagaimanapun, MAS bernasib baik kerana kerajaan masih memegang saham emasnya dan sebarang masalah yang dihadapinya tidak akan dibiarkan oleh kerajaan. Namun demikian adalah tidak bijaksana jika pucuk pimpinan MAS menjadikan perlindungan kerajaan ini sebagai tembok kebal sehingga MAS tidak boleh ditegur sedikit pun.

Selain menguji kesabaran, masa sukar juga akan menguji ketokohan dan kepemimpinan korporat menangani permasalahan syarikatnya. Kalau kita umpamakan masa sukar sebagai satu peperangan, maka inilah masanya seorang jeneral diuji bagaimana beliau mengatur strategi dan mengerah anak buahnya. Di masa kritikal yang seperti ini, semua kakitangan syarikat amat berguna untuk dikerahkan tenaga dan fikirannya bagi mengatur strategi

mengatasi sebarang kesulitan. Ini bukanlah masanya untuk mencari kesalahan sesiapa, tetapi masa untuk bermuafakat menggembelng tenaga memperbaiki keadaan.

Semua pihak sama ada ahli politik, korporat dan sektor awam perlu meletakkan jauh-jauh sebarang perasaan marah, cemburu, iri hati, tamak, egoistik dan juga sebarang niat untuk jatuh menjatuh di antara satu sama lain kerana negara sedang menghadapi ancaman luar yang paling getir dan semua rakyat mesti bersatu menghadapinya. Inilah masanya kita perlu menolong di antara satu sama lain dan bukannya mengambil kesempatan untuk menjadi jaguh. Zaman Pak Pandir yang menang sorak kampung tergadai sudah berakhir. Biarlah tidak ada sorakan asalkan kampung kita bertambah luas dan makmur.

(END)